

Islam: Berikan pengisian praktis

KUALA LUMPUR 26 Julai - **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** hari ini menegaskan bahawa pelaksanaan perintah - perintah Islam mestilah diberi pengisian yang praktis dan kesannya dijelaskan dengan mengambil kira perubahan - perubahan baru yang dialami oleh masyarakat.

Menurut Perdana Menteri, sebarang tindakan mengundurkan diri dari masyarakat moden hanya akan meniadakan kenyataan bahawa Islam adalah agama untuk semua zaman.

Berucap merasmikan pembukaan Seminar Pemikiran Islam Antarabangsa yang ketiga di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa masa depan masyarakat Islam adalah berkait rapat dan bergantung kepada agamanya.

✓ Dalam hubungan ini, beliau menimbulkan beberapa persoalan, umpamanya, kata beliau bagaimana konsep "Shura" yang digariskan dalam Quran dan sunnah digunakan oleh masyarakat Islam di zaman dulu dalam bidang ekonomi dan politik.

"Tetapi soalnya bagaimana boleh kita menvedarkan masyarakat tent&g nilai-nilai tersebut di akhir abad ke-20 ini? Bagaimana corak perhubungan kemanusiaan yang paling baik yang boleh menyedarkan nilai-nilai kerjasama dan akan menghasilkan sistem

masa depan mereka meliputi segala aspek kehidupan moden berpandukan perspektif Islam.

Untuk tujuan ini, tambah beliau, adalah wajar satu garis panduan (blue-print) yang praktikal dirangka bagi pelaksanaan sistem Islam dengan mengambil kira realiti dan keadaan semasa.

"Ahli-ahli akademik yang beragama Islam harus menguasai semua bidang pendidikan moden agar pemahaman mereka boleh digunakan untuk membuat beberapa pindaan dan perubahan yang sesuai dengan

Oleh kerana itu, menurut Perdana Menteri, masyarakat Islam hendaklah membentuk satu kesedaran untuk depannya yang didasarkan dari nilai-nilai agama Islam bagi membolehkan mereka menghadapi cabaran akan datang.

Seminar lima hari tersebut dianjurkan oleh Institut Pemikiran Islam Antarabangsa dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad.

'Penceramah

ia dihadiri oleh 46 orang penceramah dan peserta dari lebih 15 buah negara tidak termasuk dari Malaysia seramai 28 orang.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, pemahaman dan kesedaran masa depan masyarakat Islam sedunia juga memerlukan satu pendirian yang tegas dan kebolehan intelektual tentang masyarakat dan kebudayaan Islam.

Katanya, masa depan umat Islam mesti mencerminkan satu pendekatan baru dengan pandangan - pandangan dan matlamat bernas.

Beliau menambah, dalam tempoh empat abad yang lalu, kegemilangan agama Islam dan intipati ajarannya telah tidak begitu ditimbulkan.

"Oleh kerana itu kita mesti mencari pendekatan yang baru dan mengatarkan perancangan yang teliti," kata Perdana Menteri.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, memandangkan banyak perubahan telah berlaku sejak beberapa abad yang lalu, masyarakat Islam perlu merombak semula cara kehidupan mereka di bidang politik, sosial dan ekonomi. menerusi satu kaedah yang boleh menerapkan peruntukan peraturan - peraturan Islam sepenuhnya.

Katanya, ini adalah bagi memastikan pembentukan ummah yang sihat dan cekap di bidang sosial, ekonomi dan politik agar mereka boleh menghadapi segala cabaran.

"Kita perlu memahami Islam dalam konteks perubahan zaman. Kita tidak boleh mewujudkan semula dunia berdasarkan perkembangan awal agama Islam," kata Perdana Menteri.

ekonomi yang paling cekap? pandangan dunia terhadap

masa. "Dan perancangan yang Islam dan nilai-nilainya."

bagaimana pula yang boleh Di sepanjang ucapannya

mendatangkan hasil seimbang dengan nilai kerjasama mengenai Islam dan nilai-nilainya itu, Perdana Menteri telah beberapa kali dis-

tersebut. Untuk mengha- ambut dengan laungan

dapi persoalan - persoalan ini adalah tidak mencukupi "Allahu Akbar"

jika kita sekadar meminta umat Islam supaya memberi kerjasama," tanya Perdana Menteri.

Pelaksanaan perintah - perintah Islam hendaklah mengandungi unsur - unsur

Yang praktikal dan kesan-kesannya dijelaskan secara

konkrit sebelum ia diterapkan di mana-mana pertubuhan

ekonomi di negara-negara Islam tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata jika umat Islam gagal memahami peruntukan

perintah - perintah Islam Yang sepadan dengan zamannya, ia juga gagal untuk

memahami agama Islam itu sendiri dan sifat sosial seperti yang dikehendaki oleh

Allah Subhanahuwataala. "Sebaliknya jika kita

benar-benar mahu mengukuhkan agama Islam, kita

mesti memastikan bahawa ia dilaksanakan secara res-

Ponsif terhadap masyarakat," kata beliau.

Oleh demikian, tegas Perdana Menteri, masyarakat Islam hendaklah merancang